Dana BNM untuk PKS
Kemudahan Peralihan Rendah Karbon
Soalan Lazim

Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (*Low Carbon Transition Facility*, LCTF)		
No.	**Soalan**	**Jawapan**
1.	Apakah itu LCTF?	LCTF merupakan satu kemudahan pembiayaan bagi menggalakkan dan menyokong PKS menerapkan amalan kelestarian bagi meningkatkan daya tahan perniagaan.
2.	Siapakah yang layak memohon LCTF dan apakah kriteria kelayakan untuk memohon?	PKS daripada semua sektor yang komited untuk beralih ke arah operasi perniagaan rendah karbon dan lestari. PKS perlu menghubungi mana-mana institusi kewangan peserta bagi menyemak kelayakan mereka di bawah kemudahan ini. Semua permohonan pembiayaan adalah tertakluk kepada penilaian oleh institusi kewangan peserta.
3.	Apakah projek-projek/aktiviti-aktiviti yang layak dibiayai di bawah LCTF?	LCTF boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan modal atau modal kerja bagi memulakan peralihan kepada operasi rendah karbon dan lestari. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada aktiviti-aktiviti yang berikut: (a) mendapatkan pensijilan kelestarian; (b) meningkatkan penggunaan bahan diakui lestari dalam aktiviti pengeluaran; (c) menambahbaik kecekapan tenaga bangunan dan peralatan; dan (d) memasang peralatan jana kuasa tenaga boleh baharu di premis. PKS perlu menghubungi institusi kewangan peserta untuk mendapatkan senarai lengkap projek/aktiviti yang layak mendapat pembiayaan.
4.	Berapakah jumlah pembiayaan maksimum dan tempoh pembiayaan di bawah LCTF?	PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM10 juta bagi setiap PKS dan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun.
5.	Berapakah kadar pembiayaan?	Kadar pembiayaan maksimum ialah 5.0% setahun termasuk fi jaminan.
6.	Bilakah LCTF akan disediakan?	Kemudahan ini akan disediakan mulai **3 Februari 2022** sehingga peruntukan digunakan sepenuhnya.
7.	Bank manakah yang menawarkan pembiayaan dibawah LCTF?	PKS boleh memohon pembiayaan daripada bank-bank perdagangan, bank-bank Islam dan institusi kewangan

		pembangunan peserta yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Senarai institusi kewangan peserta adalah seperti di lampiran.
8.	Adakah LCTF merupakan kemudahan yang seragam?	Tidak. PKS perlu menghubungi mana-mana institusi kewangan peserta bagi membincangkan kemudahan yang sesuai dengan keperluan peralihan operasi mereka.
9.	Bolehkah PKS memohon LCTF untuk membiayai semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada?	Tidak. LCTF tidak boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada.
10.	Perlukah PKS menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah LCTF?	Tidak. Cagaran tidak diperlukan bagi mendapatkan pembiayaan di bawah LCTF.
11.	Apakah yang perlu dilakukan oleh PKS jika permohonan mereka untuk mendapatkan pembiayaan ini ditolak oleh institusi kewangan peserta?	Jika permohonan mereka ditolak, PKS dinasihati supaya: (a) mendapatkan penjelasan daripada institusi kewangan peserta tentang sebab-sebab permohonan mereka ditolak; atau (b) mempertimbangkan untuk menghantar permohonan melalui platform imSME jika PKS belum lagi melakukan sedemikian; atau (c) mendapatkan khidmat nasihat pembiayaan melalui MyKNP (Khidmat Nasihat Pembiayaan) yang menyediakan bantuan khidmat nasihat dan panduan untuk meningkatkan kelayakan bagi pembiayaan pada masa hadapan dan sumber pembiayaan alternatif di myknp.com.my; atau (d) menyalurkan sebarang pertanyaan atau aduan kepada Bank Negara Malaysia melalui eLINK.